Akaun kewangan
Rekod pemerolehan dan pelupusan bersih aset serta liabiliti kewangan yang melibatkan pemastautin dan bukan pemastautin sesebuah negara.

Akaun semasa
Catatan transaksi aliran barangan, perkhidmatan, pendapatan primer (pendapatan bersih daripada pelaburan merentas sempadan) dan pendapatan sekunder (pendapatan bersih serta bayaran pemindahan) antara pemastautin dengan bukan pemastautin.

Aktiviti yang dipercepat (Frontloading)
Dalam konteks aktiviti perdagangan, *frontloading* merujuk pembelian import yang dipercepat daripada jadual, lantas menyebabkan peningkatan sementara dalam aktiviti import (atau aktiviti eksport bagi rakan dagangan).

Aset berisiko
Aset kewangan dengan harga dan pulangan yang lebih sensitif terhadap perubahan dalam keadaan ekonomi, sentimen pasaran kewangan dan toleransi risiko pelabur. Kesemua aset ini, seperti ekuiti dan sekuriti hutang berpenarafan lebih rendah, cenderung menunjukkan volatiliti yang lebih tinggi semasa tempoh ketidakpastian yang meningkat atau apabila tahap penghindaran risiko adalah tinggi.

Aset selamat
Aset kewangan yang dijangka mengekalkan atau meningkatkan nilai apabila terdapat tekanan yang ketara dalam pasaran kewangan dan ketidaktentuan ekonomi.

Barangan perantaraan
Barangan yang digunakan sebagai input dalam pengeluaran barangan lain (sama ada barangan perantaraan atau barangan akhir).

Cukai Jualan dan Perkhidmatan
Cukai jualan ialah cukai satu peringkat yang dikenakan ke atas barangan bercukai yang diimport ke Malaysia serta barangan keluaran tempatan oleh orang yang boleh dikenakan cukai, tertakluk pada Akta Cukai Jualan 2018. Cukai perkhidmatan ialah cukai yang dikenakan pada perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh orang yang boleh dikenakan cukai di Malaysia dalam menjalankan dan melanjutkan perniagaan, tertakluk pada Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

Dividen demografi pertama
Tempoh pertumbuhan ekonomi yang dipacu oleh peningkatan bahagian penduduk umur bekerja berbanding tanggungan.

Entiti bukan pemastautin
Unit institusi yang terlibat dalam kegiatan dan urus niaga ekonomi untuk tempoh setahun atau lebih dari lokasi di luar Malaysia.

Entiti pemastautin
Unit institusi yang terlibat dalam kegiatan dan urus niaga ekonomi untuk tempoh satu tahun atau lebih dari lokasi di Malaysia.

Gaji minimum
Jumlah minimum imbuhan yang wajib dibayar oleh majikan kepada pekerja upahan bagi kerja yang dilakukan dalam suatu tempoh tertentu, yang tidak boleh dikurangkan melalui perjanjian kolektif atau kontrak individu.

Dalam konteks Malaysia, jumlah ini merupakan gaji asas yang ditetapkan di bawah perintah gaji minimum yang dikeluarkan menurut Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011.

Imbangan pembayaran
Pernyataan statistik yang merumuskan transaksi ekonomi antara pemastautin dengan bukan pemastautin dalam suatu tempoh masa tertentu. Ia merangkumi akaun barangan dan perkhidmatan, akaun pendapatan primer, akaun pendapatan sekunder, akaun modal dan akaun kewangan.

Inflasi asas
Komponen trend inflasi yang berterusan. Lazimnya, inflasi asas dibentuk dengan mengeluarkan komponen sementara dan bermusim daripada inflasi keseluruhan.

Inflasi harga pengeluar
Perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bagi pengeluaran tempatan, yang merupakan indeks berasaskan output yang mengukur harga barangan yang dijual kepada pasaran dalam negeri yang dikenakan oleh pengeluar pada harga lepas kilang.

Inflasi keseluruhan
Kenaikan harga tahunan untuk kumpulan barangan yang lazimnya digunakan oleh isi rumah biasa. Bagi Malaysia, inflasi keseluruhan dikira berdasarkan kumpulan barangan Indeks Harga Pengguna (IHP).

Inflasi teras
Satu ukuran inflasi asas. Salah satu kaedah pengiraan yang lazim adalah dengan mengecualikan item dalam kumpulan barangn Indeks Harga Pengguna (IHP) yang turun naik harganya dianggap bersifat sementara. Barangan ini termasuk barangan dan perkhidmatan yang harganya tidak menentu dan yang harganya ditadbir. Inflasi teras yang dianggarkan oleh Bank Negara Malaysia juga tidak termasuk anggaran kesan langsung daripada perubahan dasar cukai penggunaan.

Jawatankuasa Dasar Monetari
Badan yang bertanggungjawab untuk merumuskan dasar monetari dan dasar-dasar untuk menjalankan operasi dasar monetari, seperti yang ditetapkan dalam Akta Bank Negara Malaysia 2009.

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR)
Penunjuk pendirian dasar monetari Malaysia. Paras OPR ditentukan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari. OPR juga berperanan sebagai kadar sasaran bagi operasi mudah tunai harian BNM, yang akan mempengaruhi kadar faedah lain dalam ekonomi.

Kadar Tarif Efektif
Beban tarif sebenar ke atas barangan import yang ditentukan dengan mengira jumlah duti import yang dipungut sebagai peratusan jumlah nilai import.

Kawalan harga
Peraturan kerajaan yang menentukan harga maksimum tetap untuk barangan dan perkhidmatan tertentu.

Keadaan kewangan (Financial conditions)
Keadaan kewangan mencerminkan kemudahan untuk memperoleh pembiayaan dalam ekonomi. Keadaan ini boleh ditakrifkan sebagai keadaan semasa pemboleh ubah kewangan yang mempengaruhi tingkah laku ekonomi dan seterusnya memberikan kesan terhadap kegiatan ekonomi pada masa hadapan. Keadaan ini biasanya diukur dengan indeks yang dikenali sebagai "Indeks Keadaan Kewangan (Financial Conditions Index)" yang mengagregatkan pelbagai pemboleh ubah kewangan, seperti harga ekuiti dan kadar hasil bon.

Kecenderungan mengguna sut
Jumlah perbelanjaan bagi setiap tambahan satu unit pendapatan yang diperoleh.

Kecerdasan buatan
Kategori rangkaian teknologi luas yang membolehkan mesin atau perisian meniru serta melaksanakan tugas kognitif yang sebelum ini hanya dapat dilakukan oleh manusia. Tugas ini merangkumi pengecaman corak, pemprosesan bahasa tabii, penjanaan kandungan, penaakulan, penyelesaian masalah dan penghasilan keputusan secara autonomi.

Kedudukan jualan
Kedudukan kewangan apabila sesebuah unit institusi menjual sekuriti (seperti saham atau mata wang asing) yang bukan miliknya dari segi ekonomi. Sekuriti yang dipinjam ini lazimnya dibeli balik dalam pasaran terbuka untuk dipulangkan kepada pemiliknya dari segi ekonomi pada harga dan tarikh yang dipersetujui.

Kedudukan Pelaburan Antarabangsa
Penyata statistik (atau penyata kedudukan kewangan) yang menunjukkan nilai aset kewangan pemastautin sesebuah ekonomi pada suatu titik masa tertentu yang merupakan tuntutan ke atas bukan pemastautin atau emas yang dipegang sebagai aset rizab; serta liabiliti pemastautin sesebuah ekonomi kepada bukan pemastautin.

Kekayaan kewangan
Jumlah keseluruhan aset kewangan yang dimiliki oleh isi rumah merangkumi pengumpulan deposit oleh isi rumah, baki simpanan persaraan, pegangan ekuiti dan unit amanah, serta nilai serahan polisi insurans atau takaful.

Kekayaan perumahan bersih
Ukuran aset perumahan yang dikira berdasarkan bilangan unit kediaman yang dimiliki didarab dengan purata harga rumah, ditolak jumlah baki pinjaman perumahan terkumpul.

Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR)
Instrumen pengurusan mudah tunai yang tersedia untuk BNM. Instrumen ini digunakan oleh BNM untuk menarik balik atau mengeluarkan mudah tunai kepada sistem perbankan secara lebih kekal atau bagi tempoh jangka panjang. Keperluan Rizab Berkanun bukan isyarat pendirian dasar monetari kerana Kadar Dasar Semalaman (OPR) merupakan satu-satunya penunjuk yang digunakan untuk memberikan isyarat tentang pendirian dasar monetari.

Kesan asas
Kesan kadar pertumbuhan tahun ke tahun bagi sesuatu tempoh yang dipengaruhi oleh paras asas yang luar biasa tinggi atau rendah dalam tempoh perbandingan (iaitu tempoh yang sama pada tahun sebelumnya). Sebagai contoh, jika harga elektrik adalah rendah pada bulan Januari tahun lalu, peningkatan sederhana sekalipun dalam harga elektrik pada bulan Januari tahun ini boleh menyebabkan kadar inflasi elektrik tahun ke tahun yang secara relatif lebih tinggi.

Kesan penilaian kadar pertukaran
Perubahan dalam nilai yang bersamaan dengan ringgit bagi aset dan liabiliti asing dalam denominasi mata wang asing, serta nilai eksport dan import yang disebabkan oleh perubahan kadar pertukaran ringgit.

Kesilapan dan ketinggalan bersih
Item pelarasan atau lebihan yang berlaku apabila akaun semasa, akaun modal dan akaun kewangan tidak setara dengan perubahan dalam rizab antarabangsa disebabkan oleh ketidaksempurnaan sumber data dan penyusunan (contohnya, sumber data tidak lengkap, perbezaan masa catatan dan faktor penilaian).

Ketidakpadanan kemahiran
Jurang antara kemahiran yang diperlukan majikan dengan kemahiran yang dimiliki individu.

Kompleksiti ekonomi
Kompleksiti ekonomi mencerminkan tahap kepelbagaian dan kecanggihan teknologi berhubung dengan keupayaan pengeluaran sesebuah negara, yang dizahirkan melalui keanekaan dan keunikan produk yang dapat dihasilkan secara berdaya saing.

Kredit penggunaan
Pinjaman yang berkaitan dengan tujuan penggunaan seperti pinjaman peribadi, pinjaman kenderaan bermotor dan kad kredit.

Langkah tarif AS
Cukai yang dikenakan ke atas import ke Amerika Syarikat yang bertujuan melindungi industri dalam negeri dan mengurangkan defisit akaun semasa. Pada tahun 2025, langkah-langkah ini merangkumi tarif produk dan negara khusus.

Lebihan kapasiti
Lebihan kapasiti merujuk kepada keadaan apabila kapasiti pengeluaran sesuatu industri atau syarikat melebihi permintaan pasaran, yang mengakibatkan sumber tidak digunakan sepenuhnya, penurunan harga dan penyusutan margin keuntungan.

Lebihan simpanan
Simpanan deposit terkumpul isi rumah melebihi trend jangka panjang. Deposit merangkumi deposit permintaan, deposit simpanan, deposit tetap, deposit tetap *tawarruq*, akaun pelaburan khas dan akaun pelaburan am.

Model pelarasan ketidakseimbangan
Model untuk menganggarkan hubungan dinamik jangka pendek antara pemboleh ubah berkointegrasi dengan kadar pelarasannya ke arah keseimbangan jangka panjang (*long-run equilibrium*).

Nilai tambah asing
Bahagian eksport kasar sesebuah negara yang mencerminkan nilai yang dihasilkan di negara lain. Bahagian ini mengukur nilai kandungan asing yang terkandung dalam barangan dan perkhidmatan yang dieksport.

Nisbah Tanggungan Keseluruhan
Ukuran demografi bagi jumlah kanak-kanak (berumur bawah 15 tahun) dan warga emas (berumur 65 tahun dan ke atas) secara keseluruhan berbanding bilangan penduduk usia bekerja (berumur 15–64 tahun).

Pampasan pekerja
Jumlah imbuhan, sama ada dalam bentuk tunai atau barangan lain, yang dibayar oleh perusahaan kepada pekerja sebagai bayaran bagi kerja yang dilakukan dalam suatu tempoh perakaunan.

Pekali Gini
Ukuran ketidaksamaan pendapatan dalam julat antara 0 (kesamaan sempurna) hingga 1 (ketidaksamaan sempurna).

Pekerja bekerja sendiri
Individu yang mengusahakan ladang, perniagaan atau perdagangan miliknya sendiri tanpa menggaji mana-mana pekerja bergaji dalam menjalankan aktiviti ladang, perdagangan atau perniagaannya.

Pelabur institusi domestik
Institusi kewangan pemastautin dengan pemegangan besar aset kewangan dalam pasaran kewangan domestik. Institusi ini termasuk bank, dana pencen dan syarikat insurans.

Pelaburan lain
Kategori baki di bawah akaun kewangan imbangan pembayaran yang merangkumi kedudukan dan urus niaga selain yang termasuk dalam pelaburan langsung, pelaburan portfolio, derivatif kewangan dan opsyen saham pekerja, serta aset rizab.

Pelaburan langsung
Kategori pelaburan rentas sempadan yang melibatkan pemastautin dalam sesebuah ekonomi mempunyai kawalan atau tahap pengaruh yang ketara (contohnya, pemilikan sekurang-kurangnya 10% daripada kuasa mengundi) ke atas pengurusan sesebuah perusahaan yang bermastautin dalam ekonomi lain.

Pelaburan langsung asing
Kategori pelaburan rentas sempadan oleh pelabur bukan pemastautin yang dikaitkan dengan objektif untuk mewujudkan kepentingan berpanjangan dalam perusahaan di Malaysia. “Kepentingan berpanjangan” adalah apabila terdapat hubungan jangka panjang, iaitu pelabur langsung bukan pemastautin mempunyai tahap pengaruh yang ketara ke atas pengurusan perusahaan tersebut (contohnya, pemilikan sekurang kurangnya 10% daripada kuasa mengundi).

Pelaburan langsung di luar negeri
Kategori pelaburan rentas sempadan oleh pelabur pemastautin Malaysia yang dikaitkan dengan objektif untuk mewujudkan kepentingan berpanjangan dalam perusahaan di luar negeri. “Kepentingan berpanjangan” adalah apabila terdapat hubungan jangka panjang, iaitu pelabur langsung tersebut mempunyai tahap pengaruh yang ketara ke atas pengurusan perusahaan tersebut (contohnya, pemilikan sekurang-kurangnya 10% daripada kuasa mengundi).

Pelaburan portfolio
Kategori urus niaga dan kedudukan rentas sempadan yang melibatkan sekuriti hutang atau ekuiti dalam pasaran modal, selain yang dikategorikan sebagai pelaburan langsung asing, pelaburan langsung di luar negeri atau urus niaga aset rizab.

Pembelajaran sepanjang hayat
Proses pembelajaran berterusan sepanjang hayat merangkumi pelbagai peringkat pendidikan dan pelbagai bentuk pembelajaran bagi memenuhi pelbagai tujuan. Proses ini menyepadukan pembelajaran dengan kehidupan seharian merentasi keluarga, komuniti, tempat kerja dan konteks kehidupan yang lain.

Pendalaman kewangan
Pengembangan dan peningkatan penggunaan perkhidmatan serta produk kewangan, termasuk akses yang lebih luas kepada kredit, insurans dan produk pelaburan.

Pendapatan campuran
Pendapatan yang diperoleh oleh individu bekerja sendiri dan perusahaan isi rumah, iaitu pampasan kepada pekerja bagi kerja pemilik tidak dapat dipisahkan daripada pulangan kepada modal hasil penggunaan aset dalam perniagaan. Contohnya termasuk pendapatan daripada perniagaan kecil, ladang atau kerja bebas (*freelance work*).

Pendapatan negara
Jumlah keseluruhan pendapatan yang terhasil daripada pengeluaran semasa sesebuah negara, termasuk pampasan pekerja, faedah, pendapatan sewaan dan keuntungan perniagaan selepas cukai.

Pendapatan primer
Pendapatan yang diperoleh daripada sumbangan kepada proses pengeluaran, peruntukan aset kewangan dan penyewaan sumber semula jadi. Perkara ini termasuk pampasan untuk pekerja (contohnya, upah dan gaji), pendapatan pelaburan (contohnya, dividen), pendapatan faedah serta urus niaga sewa antara pemastautin dengan bukan pemastautin.

Pendapatan sekunder
Pemindahan semasa (penyediaan barangan, perkhidmatan atau aset kewangan) antara pemastautin dengan bukan pemastautin tanpa pulangan ekonomi yang sepadan. Perkara ini termasuk pemindahan oleh kerajaan am, pemindahan peribadi (contohnya, pengiriman wang oleh pekerja asing) dan pemindahan lain dalam bentuk wang tunai ataupun barangan lain.

Penduduk umur bekerja
Individu berumur 15 hingga 64 tahun yang membentuk tenaga kerja utama dalam ekonomi.

Penggantian import
Penggantian import ialah strategi ekonomi sesebuah negara yang menggantikan barangan import dengan barangan keluaran dalam negeri, serta membangunkan industri tempatan menggunakan tarif, kuota dan dasar perindustrian.

Perbezaan upah
Perbezaan kadar upah antara kumpulan individu yang berbeza atau bagi jenis pekerjaan yang berlainan.

Perindustrian berorientasikan eksport
Strategi pertumbuhan yang dicirikan oleh pengeluaran barangan untuk eksport bagi mempercepat pembangunan perindustrian.

Produktiviti pekerja
Produktiviti pekerja merujuk kecekapan dan keberkesanan setiap pekerja untuk menjana output atau nilai tambah. Produktiviti ini dinyatakan sebagai nisbah nilai tambah kepada jumlah jam bekerja atau guna tenaga.

Purata kadar antara bank semalaman (Average overnight interbank rate, AOIR)
AOIR ialah kadar purata berwajaran jumlah bagi urus niaga konvensional tidak bercagar semalaman dalam pasaran antara bank.

Rantaian belakang
Kebergantungan sesebuah negara pada input perantaraan import bagi menghasilkan eksport. Lazimnya diukur menggunakan kandungan nilai tambah asing dalam eksport (iaitu *foreign value added* atau FVA).

Rantaian hadapan
Rantaian hadapan dalam perdagangan, juga dikenali sebagai penyertaan rantaian nilai global (*global value chain*, GVC) ke hadapan, berlaku apabila eksport negara lain mengandungi nilai tambah dalam negeri, iaitu input dalam negeri yang digunakan oleh pengeluar asing yang seterusnya mengeksport barangan akhir atau barangan perantaraan tersebut.

Rantaian nilai global
Rantaian nilai global merujuk pengaturan pengeluaran merentas sempadan, yakni perkhidmatan, bahan mentah, bahagian dan komponen merentasi sempadan beberapa kali sebelum pemasangan akhir.

Sektor bernilai tambah tinggi
Sektor ekonomi yang menjana output lebih tinggi bagi setiap unit input menggunakan kemahiran dan teknologi.

Selat Hormuz
Sebuah laluan maritim sempit yang menghubungkan Teluk Parsi dengan Teluk Oman dan Laut Arab. Selat ini merupakan salah satu titik sempit transit minyak dan gas yang paling genting di dunia, dengan sebahagian besar penghantaran tenaga melalui laut bergantung pada laluan ini. Memandangkan laluan eksport alternatif adalah terhad bagi beberapa pengeluar di Teluk, sebarang gangguan terhadap penghantaran melalui selat tersebut boleh memberikan kesan serta-merta dan ketara terhadap pasaran tenaga global.

Semikonduktor
Satu set litar elektronik bersepadu yang terdiri daripada pelbagai komponen (contohnya, transistor, perintang, diod dan kapasitor) yang tertanam dalam sekeping bahan semikonduktor (kebiasaannya silikon)untuk melaksanakan pelbagai fungsi dalam peranti elektronik. Cip ini seperti “otak” kecil yang boleh memproses maklumat, menyimpan data dan mengurus isyarat elektrik. Cip tersebut merupakan komponen penting dalam alat seperti komputer, telefon pintar dan kebanyakan teknologi moden lain yang membolehkan tugas kompleks dilaksanakan dengan cekap.

Transaksi *out-out*
Transaksi kewangan rentas sempadan yang dijalankan antara dua entiti, iaitu pihak pembayar dan penerima akhir yang merupakan bukan pemastautin. Dalam keadaan ini, dana luaran yang berasal daripada entiti bukan pemastautin akhirnya ditempatkan atau dipinjamkan kepada satu lagi pihak bukan pemastautin melalui perantara pemastautin.

Upah benar
Upah yang dinyatakan dalam bentuk monetari dan diselaraskan untuk inflasi. Ukuran ini menggambarkan kuasa beli sebenar pekerja berdasarkan pendapatan mereka.

Upah nominal
Upah nominal ialah upah yang dinyatakan dalam bentuk monetari dan tidak diselaraskan untuk inflasi.

AI
Kecerdasan Buatan

AKPK
Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit

ALR
Kadar Pinjaman Purata

AOIR
Kadar Purata Semalaman Antara Bank

AS
Amerika Syarikat

ASEAN
Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara

B40
40% Terendah

BLR
Kadar Pinjaman Asas

BNM
Bank Negara Malaysia

BoE
Bank of England

BOP
Imbangan Pembayaran

BPM6
Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa, Edisi Keenam (IMF)

BSH
Bantuan Sara Hidup

BUDI95
BUDI MADANI RON95

CAGR
Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkompaun

COE
Pampasan Pekerja

CCS
Carbon Capture Storage

DIA
Pelaburan Langsung Luar Negeri

DOSM
Jabatan Perangkaan Malaysia

DVA
Nilai Tambah Domestik

E&E
Elektrik dan Elektronik

E&O
Kesilapan dan Ketinggalan

ECB
European Central Bank

ECM
Model Pelarasan Ketidakseimbangan

ECRL
Laluan Rel Pantai Timur

EU
European Union

EV
Kenderaan Elektrik

F&B
Makanan dan Minuman

FBM KLCI
Indeks Komposit FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur

FCY
Mata Wang Asing

FD
Deposit Tetap

FDI
Pelaburan Langsung Asing

Fed
Federal Reserve AS

FEP
Dasar Pertukaran Asing

FFR
Federal Funds Rate

FVA
Nilai Tambah Asing

FX
Pertukaran Asing

GVC
Rantaian Nilai Global

HHFS
Hibrid Solar Terapung Hidro

HIES
Kajian Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah

ICT
Teknologi Maklumat dan Komunikasi

IHP
Indeks Harga Pengguna

IHPR
Indeks Harga Pengeluar

IIP
Kedudukan Pelaburan Antarabangsa

IMF
Tabung Kewangan Antarabangsa

KDNK
Keluaran Dalam Negeri Kasar

KLIBOR
Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur

KRI
Khazanah Research Institute

KWSP
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

LFPR
Kadar Penyertaan Tenaga Pekerja

LIBFC
Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan

LNG
Gas Asli Cecair

LRT
Transit Aliran Ringan

M&E
Jentera dan Kelengkapan

MGS
Sekuriti Kerajaan Malaysia

MIDA
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia

MLNG
Malaysia LNG

MNC
Syarikat Multinasional

MPC
Kecenderungan Mengguna Sut

MPGN
Majlis Perundingan Gaji Negara

MPC
Jawatankuasa Dasar Monetari

MSM
Minyak Sawit Mentah

NAIRU
Kadar Pengangguran Bukan Pemacu Inflasi

NAPIC
Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

IKBB
Institusi Kewangan Bukan Bank

NEER
Kadar Pertukaran Efektif Nominal

NETR
Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara

NIA
Aspirasi Pelaburan Nasional

NIMP 2030
Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030

NR
Bukan Pemastautin

NSS
Strategi Semikonduktor Nasional

O&G
Minyak dan Gas

OPR
Kadar Dasar Semalaman

PKS
Perusahaan Kecil dan Sederhana

PMTK
Pembentukan Modal Tetap Kasar

QRI
Syarikat Pelabur Pemastautin yang Berkelayakan

RBA
Reserve Bank of Australia

RMK-13
Rancangan Malaysia Ketiga Belas

RTS Link
Laluan Sistem Transit Pantas

R&D
Penyelidikan dan Pembangunan

SARA
Sumbangan Asas Rahmah

SBR
Kadar Asas Standard

SDR
Hak Pengeluaran Khas

SIP
Sistem Insurans Pekerjaan

SRR
Keperluan Rizab Berkanun

SSPA
Sistem Saraan Perkhidmatan Awam

SSLR
Jalan Penghubung Sarawak–Sabah

STEM
Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik

STR
Sumbangan Tunai Rahmah

TDR
Nisbah Tanggungan Keseluruhan

TFP
Produktiviti Faktor Keseluruhan

TVET
Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional

WSTS
Statistik Perdagangan Semikonduktor Dunia